

**Pengambilan Pelajar Ke IPTA Berasaskan 90% Akademik & 10% Kokurikulum -
Khaled Nordin
mStar Online
Julai 27, 2011**

PUTRAJAYA: Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, dasar pengambilan dan pemilihan kemasukan calon-calon lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan setaraf dengannya ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi Program Peringkat Ijazah Pertama adalah berasaskan prinsip meritokrasi.

Ia dilakukan dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum untuk menentukan nilai merit seseorang calon.

Dasar ini, kata Khaled, bertujuan bagi meningkatkan peluang yang adil dan daya saing yang sihat kepada para pelajar untuk mencapai kecemerlangan akademik dan sahsiah diri.

"Pelaksanaan dasar mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum telah dikuatkuasakan mulai sesi akademik 2006/2007 lagi. Usaha penyebarkan maklumat mengenai dasar ini melalui taklimat kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah serta pelaksanaan Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) di seluruh negara sejak tahun 2005 turut kita lakukan," ujarnya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Selasa.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) jelas Khaled prihatin terhadap masa depan pelajar bagi memenuhi cita-cita dan impian hidup untuk berjaya.

"Pemilihan program pengajian yang tepat mengikut cita-cita, minat dan hasrat pelajar, ibu bapa dan masyarakat mestilah seiring dengan pencapaian akademik serta kokurikulum. Oleh yang demikian KPT melaksanakan prinsip meritokrasi yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum.

"Pemohon juga perlu memenuhi Syarat Am, Syarat Khas Program dan kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan. Pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA adalah berasaskan pilihan pelajar serta bilangan tempat yang disediakan mengikut program pengajian di IPTA," ujarnya.

Tambah beliau, kejayaan calon untuk memperoleh tawaran tempat adalah bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di IPTA yang dipohon.

Katanya, jika merit mereka tidak begitu tinggi dan memohon lapan (8) pilihan dalam program pengajian kompetitif, kemungkinan besar mereka tidak terpilih untuk tawaran program pengajian yang dipohon itu.

"Begitu juga jika mereka memohon hanya di IPTA yang popular, mereka mungkin akan menghadapi persaingan yang tinggi dan akhirnya tidak mendapat apa-apa tawaran daripada IPTA berkenaan.

"Namun begitu, prosedur permohonan membenarkan calon menyatakan persetujuan untuk memilih sama ada bersetuju atau tidak untuk menerima tawaran selain daripada lapan (8) pilihan program pengajian yang dimohon.

"Jika calon ada menyatakan persetujuan untuk menerima tawaran selain daripada lapan (8) pilihan semasa mengemukakan permohonan, maka calon akan dipertimbangkan ke program pengajian di IPTA yang masih ada kekosongan selaras dengan bidang pengajian yang dipohon tanpa mengira IPTA pilihan," jelas beliau.

Justeru itu, tambah Khaled, bagi calon yang memperoleh merit yang tinggi tetapi tidak mendapat tempat, pihak UPU akan menawarkan program pengajian di luar pilihan calon yang mirip dengan pilihan mereka di IPTA yang terdapat kekosongan tempat.

"Bagaimanapun, jika calon memilih tidak bersetuju, pihak KPT tidak akan mempertimbangkan sekiranya masih ada kekosongan pada program pengajian yang lain.

"Berdasarkan rekod permohonan yang diterima oleh UPU bagi Sesi Akademik 2011/2012, sejumlah 4,436 (8.3%) dari 53,216 pemohon dari Lulusan STPM/Setaraf yang layak telah menyatakan 'TIDAK SETUJU' menerima tawaran di luar lapan (8) pilihan program pengajian yang telah dimohon.

"Sehubungan itu, semua calon ini tidak akan dipertimbangkan tawaran ke program pengajian lain walaupun layak kerana menghormati keputusan pemohon," katanya lagi.

Dasar pemilihan rayuan adalah untuk mengisi kekosongan tempat yang berlaku selepas pendaftaran pelajar baharu pada awal September 2011.

Semua calon yang mengemukakan rayuan akan dipertimbangkan berdasarkan kekosongan tempat bagi program pengajian yang ada sahaja.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source: http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/27/mstar_berita/20110726203537&sec=mstar_berita